

PERINGATAN KEPADA KEPIMPINAN DAN AHLI PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)

POLITIK ISLAM ADA FEQAHNYA

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Peringatan ini ditujukan khusus kepada seluruh kepimpinan dan ahli PAS, serta masyarakat di Malaysia secara umumnya, dalam kita mendepani permasalahan yang sedang berlaku di waktu ini.

Firman Allah Taala :

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

“Dan bukanlah semua orang-orang yang beriman itu keluar berperang. Mengapa tidak ada satu kumpulan di kalangan mereka yang bertafaquh (belajar dan memahami) ajaran Islam dan supaya mereka pulang memberi peringatan apabila kembali menemui kaum mereka, mudah-mudahan mereka menerima peringatan”¹

Sabda Rasulullah S.A.W :

مَنْ يُرِدِ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ...

“Sesiapa yang Allah menghendakinya menjadi seorang yang baik nescaya dijadikannya faqeh (faham) dalam perkara agama Islam”².

Kedua-dua nas ini menunjukkan bahawa Islam itu bukan sahaja semangat yang berkobar-kobar dan ilmu secara bertulis, dalam masa yang sama ianya mempunyai disiplin ilmu serta memahami cara pelaksanaannya. Semua bidang dan lapangan ajaran Islam hendaklah dipelajari

¹ At Taubah:122, Al Quranul Karim

² Riwayat Imam Bukhari, No:2901 (باب قَوْلِ اللَّهِ تَعَالَى فَأَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ الْحُكْمَ) (صحیح البخاری) dan Imam Muslim, No:1728 (باب التَّهْمِي عَنِ الْمَسْأَلَةِ) (صحیح مسلم).

bukan sekadar sebagai satu ilmu, tetapi dalam masa yang sama hendaklah memahami cara beramalanya.

Allah Taala memerintah kepada sesiapa yang diperuntukkan masa hidupnya dalam perjuangan supaya mengambil masa untuk belajar daripada kalangan yang belajar dengan *faqeh* (faham). Apabila belajar, maka hendaklah pula daripada kalangan ahli ilmu yang bukan sahaja faham, bahkan beramal dan berjuang dengan ilmu yang dipelajari itu dengan kefahamannya yang tulen dengan penuh istiqamah.

Perkataan *faqah* pada zaman awal Islam merangkumi semua ajaran Islam. Kemudiannya para ulama mengkhususkan istilahnya kepada hukum syariat sahaja. Adapun perkara yang berkait dengan iman atau aqidah dinamakan *Usulu Al Din* atau ilmu Tauhid atau Aqidah dan yang berkait dengan akhlak pula dinamakan Akhlak atau Tasawwuf.

Mafhum bahasa Al Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W merangkumi seluruh ajaran Islam hendaklah dilaksanakan secara *faqah* atau faham, khususnya dalam perkara hukum syariat yang tiada nas yang nyata (nas yang thabit) atau bergantung dengan ijtihad. Sirah Rasulullah S.A.W dan para Khulafa' Al Rasyidin banyak menunjukkan huraian yang nyata, betapa perlunya ajaran Islam itu dihayati dengan *faqah* (faham) bukan sahaja dengan ilmu. *Faqah* bukan sahaja seperti difahami oleh masyarakat awam hanya dalam perkara ibadat, solat, puasa, zakat dan haji; bahkan merangkumi segala ajaran Islam. Khususnya dalam perkara politik yang dilupakan atau diabaikan oleh sebahagian besar umat Islam.

Ketika berhijrah dari Makkah ke Madinah, yang juga merupakan amalan berpolitik yang membawa kepada tegaknya negara dan masyarakat madani, Rasulullah S.A.W telah menggunakan khidmat seorang bukan Islam yang berpengalaman dengan jalan pintas yang selamat dan cepat sampai ke Madinah³. Sudah tentu seorang bukan Islam yang dipercayai akan menyimpan kerahsiaan menjaga keselamatan, dan benci kepada kezaliman walau pun tidak menganut Islam.

Di Madinah pula dilaksanakan amalan menegakkan negara, dengan kekuatan umat Islam sendiri di kalangan Muhajirin dan Ansar, seterusnya melibatkan kaum bukan Islam di kalangan Yahudi, Kristian, Musyrikin Arab dan membenarkan kewujudan kalangan munafiq dalam masyarakat Madinah. Semuanya mengambil kira ayat-ayat Al Quran yang memberi amaran supaya berwaspada terhadap musuh dan ayat-ayat yang mengizinkan dan mewajibkan Islam disampaikan kepada seluruh manusia dan pelaksanaan Islam terhadap seluruh manusia juga.

³ Lelaki tersebut adalah Abdulloh bin Uraiqit (عبدالله بن أريقط), seorang kafir berbangsa Quraish yang mahir dalam selok-belok perjalanan ke Madinah. Rujuk Tarikh Ibnu Khaldun 2/15.

Maka pengajian secara *feqah* (faham) sahaja boleh melaksanakan risalahnya dengan istiqamah, bukan sahaja memahami nas secara ayatnya yang zahir, termasuk juga meletakkan perlaksanaannya pada masa, tempat dan situasi yang berbeza. Banyak ayat-ayat Al Quran diturunkan dan hadith-hadith Rasulullah S.A.W. bersandarkan sebab yang berlaku sekiranya memerlukan penjelasan.

Apabila Rasulullah S.A.W menerima perjanjian Hudaibiyah, manakala Para Sahabat merasakan perjanjian itu berat sebelah dan tidak berpihak kepada Islam, bahkan lebih berpihak kepada musuhnya. Bermula dengan pihak musyrikin :

- Menolak penggunaan *Bismillah*.
- Menentang dicatit nama Muhammad Rasulullah.
- membenarkan mereka yang berada di Madinah melarikan diri ke Makkah, sebaliknya tidak membenarkan orang Islam di Makkah berhijrah ke Madinah.
- Dilarang meneruskan amalan umrah walaupun Rasulullah S.A.W dan Para Sahabatnya sudah berpakaian ihram dan lain-lain.

Rasulullah S.A.W bertegas dengan keputusan menerima perjanjian Hudaibiyah tanpa wahyu diturunkan, tetapi berpandukan ketajaman bacaan Rasul terhadap *feqah* politik semasa, dan Para Sahabat mentaati secara mutlak kerana kerasulannya. Akhirnya perjanjian yang diterima memberi kemenangan yang besar kepada Islam dan menerima kunjungan kabilah yang datang menganut Islam dengan jumlah berlipat kali ganda sebelumnya.

Dalam perkara yang lain, Allah Taala mengajar Rasulullah S.A.W dan Para Sahabat R.A melaksana dan mematuhi “syura” secara tegas dalam peristiwa Uhud dengan firmanNya :

وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

“Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam mengendalikan urusan. Maka apabila engkau telah berazam (dengan keputusan) maka berserah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berserah kepadanya”⁴

Ayat ini menunjukkan kepada kita konsep bermesyuarat dan kepatuhan kepada keputusan yang diambil dan mengharapkan pertolongan Allah selepasnya, walau pun selepasnya menerima tamparan korban dan kecederaan. Ini adalah cara bermesyuarat dalam *feqah* berjamaah khususnya dalam politik.

Semua kenyataan tersebut adalah menjadi pedoman kepada sesiapa yang mahu berpolitik secara Islam. Bagi mengemaskini supaya ajaran Islam dilaksanakan secara *feqah*, maka para

⁴ Ali Imran:159, Al Quranul Karim

ulama merangka kaedah-kaedah ilmu yang berkait dengannya yang dinamakan ilmu *usul feqh*, *maqasid syariat* dan *siyasah syari'yyah*.

Bagi memelihara ajaran ini dilaksanakan, maka Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mewujudkan MAJLIS SYURA ULAMA⁵ sebagai badan yang berwibawa mengikut perlembagaan PAS untuk memelihara amalan Islam secara *feqh* Islam yang sebenar. Badan yang dianggotai oleh kalangan ilmuan Islam⁶ yang mampu memahami sumbernya yang tertinggi : Al Quran, Hadith, Ijmak, dan Qiyas yang nyata. Majlis Syura Ulama bertanggungjawab melakukan kajian dan ijtihad secara *jama'ie* dalam menghadapi cabaran semasa dengan sistem ilmu-ilmu yang berkait dengannya. Keanggotaan Ahli Majlis Syura pula mewakili seluruh cabang kepimpinan tertinggi PAS.

PAS telah berjaya menghadapi semua pengalaman di sepanjang perjuangannya sejak ditubuhkan, sama ada secara bersendirian, bersefahaman dengan : kerajaan, pembangkang dan NGO, Islam dan kalangan bukan Islam.

Pendekatan politik mutakhir bersama Pakatan Rakyat adalah menjadi penerusan amalan politik Islam secara *feqh*, bukannya secara remeh temeh. Kejayaan dicapai apabila ada kalangan bukan Islam menerima konsep perlembagaan, Islam menjadi agama negara dengan hak yang diberi secara adil kepada penganut agama lain, hak Bumiputera, Bahasa Kebangsaan dan Raja Berperlembagaan.

Perlu diingat, bahawa UMNO yang menjadi teras kerajaan BN gagal mencapai matlamatnya setelah memerintah lebih 50 tahun, kerana tidak menjadikan Islam mengikut makna Al Quran dan ajaran Rasulullah S.A.W.

Apakah tempoh masa lebih 50 tahun tidak mampu melakukan muhasabah?

⁵ Majlis Syura Ulama diberi kepadanya kuasa-kuasa berikut:

1. Menghurai, menjelas dan mentafsirkan dasar PAS dan mana-mana peruntukan di dalam perlembagaan ini yang menimbulkan kesamaran mengenai maksud dan tujuannya dan membuat ketetapan mengenainya.
2. Mengeluarkan arahan dan perintah supaya dasar dan ketetapan itu dipatuhi dan dilaksanakan oleh mana-mana pihak atau badan di dalam PAS dan mengawasi serta memelihara supaya dasar dan ketetapan serta kehendak-kehendak dalam Perlembagaan ini dipatuhi dalam kegiatan, gerakan dan pentadbiran PAS.
3. Mendengar dan memutuskan semua rayuan tatatertib yang dikemukakan oleh ahli PAS. (Rujuk buku "Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia [PAS] Pindaan 2009 hal.5)

⁶ Ahli-ahli Majlis Syura Ulama hendaklah terdiri daripada tidak lebih tujuh belas orang iaitu :

1. Seorang Mursyidul 'Am
2. Seorang Timbalan Mursyidul 'Am
3. Seorang Setiausaha Majlis Syura Ulama dan;
4. Tidak lebih empat belas (14) orang Malis Syura Ulama. (Rujuk buku "Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia [PAS] Pindaan 2009 hal.6)

Seluruh ahli PAS wajib bertambah yakin bersama perjuangan di atas bahtera PAS dengan setiap pengalamannya walaupun tidak diberi hak yang adil, inilah sifatnya perjuangan Islam. Kita wajib menyedari bahawa semua tindakan bersendirian telah mengugurkan sesiapa sahaja tanpa mengira kedudukan dalam PAS. Namun PAS tetap selamat dan menjadi Parti Islam yang makin gagah perkasa menghadapi cabaran pasang surut perjuangan Islam.

PAS terus istiqamah dengan perlembagaan tertingginya yang dijamin oleh kumpulan yang berwibawa. Sesiapa yang cuba berlagak pandai tanpa ilmu yang sebenar pasti tersungkur dengan lagaknya, dan sesiapa yang berilmu dan menganggap dirinya paling bijak dalam PAS secara individunya tanpa peduli terhadap adab berjamaah dalam Islam, akan menjadi mangsa serigala politik yang menjadi musuh perjuangan Islam, inilah sikap membahayakan diri sendiri yang diberi amaran oleh Rasulullah S.A.W :

إِنَّ الشَّيْطَانَ ذُنْبُ الْإِنْسَانِ كَذِئْبِ الْغَنَمِ يَأْخُذُ الشَّاةَ الْقَاصِيَةَ وَالنَّاحِيَةَ، فَيَأْكُمُ وَالشَّعَابَ، وَعَلَيْكُمْ
بِالْجَمَاعَةِ...

“Sesungguhnya syaitan itu adalah serigala yang menangkap manusia, laksana serigala yang menangkap kambing yang terpercil daripada kawanannya dan yang berada disudut yang menjauh diri daripada kawanannya. Maka berorganisasilah dan waji kamu beriltizam dengan jemaah (yakni jangan mengambil keputusan sendirian)”⁷

PAS terus terbuka kepada semua yang bersedia bersamanya bagi melangsungkan perjuangan menegakkan Islam yang menjadi rahmat kepada seluruh manusia.

Sesiapa yang menyertai PAS wajib mengikut haluan dan hala tujunya serta cara perjalanannya yang tersendiri, berlandaskan Islam secara *feqah* dan bukan hanya berpaksikan semangat tanpa ilmu dan faham.

Khadam Perjuangan Islam

PRESIDEN PAS

⁷ Musnad Imam Ahmad No:21464 (مُسْنَدُ الْأَنْصَارِ) « مُسْنَدُ أَحْمَدَ بْنِ حَنْبَلٍ » مُسْنَدُ الْعَشْرَةِ الْمُبَشِّرِينَ بِالْحَنَّةِ ... « مُسْنَدُ الْأَنْصَارِ »